



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

LAPORAN

KAJIAN PENILAIAN PROGRAM KUNJUNG BANTU MOLIB

2023



**LAPORAN
KAJIAN PENILAIAN
PROGRAM KUNJUNG BANTU
MOLIB 2023**

LAPORAN KAJIAN PENILAIAN PROGRAM KUNJUNG BANTU MOLIB 2023

Diterbitkan oleh:

Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1-2, Blok 2250, Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Tel: 03-83126666 Fak: 03-83126655

Website: <http://ipgm.moe.edu.my>

© INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula atau disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau alat sama ada secara elektronik dan mekanik dengan apa-apa jua cara tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

eISBN 978-629-7656-21-2



PRAKATA

Assalamulalaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan berkat dan limpah kurniaNya, Laporan Kajian Penilaian Program Kunjung Bantu Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) Literasi dan Numerasi 2023 ini berjaya diterbitkan untuk rujukan semua warga Institut Pendidikan Guru dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penerbitan laporan kajian ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada warga KPM untuk meningkatkan kualiti penyampaian pendidikan selari dengan keperluan pendidikan masa kini yang menuntut guru-guru melaksanakan pendekatan pengajaran berfokus dan terbeza bagi memenuhi keperluan murid yang pelbagai. Usaha ini sejajar dengan Transformasi IPG 2016-2025 melalui kluster 3 : Pembudayaan Penyelidikan dan Inovasi.

Sekalung penghargaan buat Pusat Pembangunan Latihan, Penyelaras MoLIB IPGM, Jurulatih Utama MoLIB dan pasukan penyelidik MoLIB 2023 atas bantuan dan sokongan yang diberikan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Semoga laporan kajian penilaian ini dapat dimanfaatkan bersama oleh semua warga KPM.

**Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia**

KANDUNGAN

1

Ringkasan Eksekutif

Pendahuluan

2

3

Metodologi Kajian

Perancangan PdPBT

4

5

Pelaksanaan PdPBT

Kunjug Bantu

6

7

Keputusan & Kesimpulan

KUNJUNG BANTU
2023



RINGKASAN
EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Keperluan pendidikan masa kini menuntut guru-guru melaksanakan pendekatan pengajaran berfokus dan terbeza bagi memenuhi keperluan murid yang pelbagai. Sehubungan itu, Institut Pendidikan Guru Malaysia selaku peneraju program literasi dan numerasi negara telah menghasilkan Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB). Usaha ini bertujuan membantu para guru Bahasa Melayu dan Matematik sekolah rendah menguasai dan melaksanakan pendekatan pedagogi berfokus dan terbeza.

Bengkel penyebaran MoLIB dilaksanakan untuk memberi pendedahan dan latihan pengajaran dan pembelajaran berfokus dan terbeza (PdPBT) kepada kumpulan sasaran. Program Kunjung Bantu MoLIB telah dilaksanakan untuk memastikan semua guru yang mengikuti Bengkel Penyebaran MoLIB 2023 mendapat bimbingan dan mengaplikasikan PdPBT di sekolah.

KUNJUNG BANTU 2023



PENDAHULUAN

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pemansuhan peperiksaan Tahap 1 termasuk Saringan LINUS 2.0 berdasarkan surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 14 Tahun 2018 telah memberi impak yang besar kepada pedagogi guru. Murid-murid tidak lagi berada di dalam kelas yang berasingan mengikut tahap pencapaian mereka. Malah, mereka ditempatkan bersama-sama di dalam bilik darjah yang sama. Oleh itu, guru memerlukan pendekatan pengajaran yang berbeza bagi memenuhi keperluan murid yang pelbagai daripada aspek kesediaan, minat dan profil pembelajaran.

Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah atau PLaN (*Primary Literacy and Numeracy*) telah diperkenalkan mulai Mac 2020 di beberapa buah sekolah terpilih berdasarkan keputusan Mesyuarat JK Pemandu Kajian Keberkesanan Agenda Literasi dan Numerasi Bilangan 1 Tahun 2019. Seterusnya, Mesyuarat JK Pemandu PLaN Bilangan 2 Tahun 2021 telah memutuskan bahawa PLaN akan diperluaskan di sekolah-sekolah KPM mulai tahun 2022. PLaN merupakan program sokongan pengajaran dan pembelajaran yang komprehensif untuk meningkatkan penguasaan TP1 hingga TP3 literasi dan numerasi dalam kalangan murid Tahun 2 dan Tahun 3.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) menjadi peneraju dalam melaksanakan program literasi dan numerasi demi mencapai hasrat kemenjadian murid menjelang 2025 melalui inisiatif #24. Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah perlu dilaksanakan secara sistematik bagi menjamin kemenjadian murid dalam penyampaian ilmu dan kemahiran oleh para guru. Oleh itu, Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) dibina untuk membantu para guru Bahasa Melayu dan Matematik sekolah rendah dalam menguasai dan melaksanakan pendekatan pedagogi berfokus dan terbeza. Hal ini bagi membolehkan penyampaian ilmu dan kemahiran Bahasa Melayu dan Matematik dapat disalurkan kepada kumpulan sasaran dengan dengan lebih tepat.

Pendekatan pedagogi berfokus dan terbeza mendasari modul ini. Pendekatan ini merupakan suatu pendekatan PdP (*know how*) yang membolehkan kurikulum dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (*know what*) disampaikan oleh guru kepada murid-murid yang mempunyai pelbagai keupayaan dan potensi diri. Modul ini memberi pendedahan kepada guru Bahasa Melayu dan Matematik sekolah rendah yang mengajar Tahun 2 dan Tahun 3 dengan kemahiran pengajaran dan pembelajaran berfokus dan terbeza (PdPBT) berdasarkan kerangka konsep yang dipelopori oleh Tomlinson (1999, 2001, 2006, 2010, 2013). Guru juga diperkenalkan kaedah PdPBT secara praktis dan dibimbing untuk membina bahan menggunakan templat PdPBT.

OBJEKTIF PROGRAM

Memantapkan pelaksanaan PdPBT dalam mempertingkatkan tahap penguasaan murid; dan

Membantu guru menguasai kemahiran merancang PdPBT berdasarkan keperluan dan aras kebolehan murid;


Menjadikan PLC sebagai platform dalam penambahbaikan PdPBT.

SASARAN PROGRAM



**Guru-guru
Bahasa Melayu dan
Matematik yang
mengajar murid
Tahun 2 dan Tahun 3
yang telah menghadiri
Bengkel Penyebaran
MoLIB Tahun 2023.**

KUNJUNG BANTU
2023



METODOLOGI
KAJIAN

METODOLOGI KAJIAN

Pensampelan

- 63 responden
- Peserta Bengkel Penyebaran MoLIB Literasi dan Numerasi 2023
- Guru Bahasa Melayu dan Matematik Tahun 2 atau Tahun 3



Reka Bentuk Kajian

- Reka bentuk kajian tinjauan dan disokong dengan temu bual



Instrumen Kajian

- Soal selidik (soalan aneka pilihan dan soalan dengan skala Likert lima (5) mata)
- Protokol temu bual

METODOLOGI KAJIAN

Soal Selidik

Bahagian A : Maklumat Demografi Respoden

Bahagian B : Penilaian Perancangan PdPBT
Penilaian Pelaksanaan PdPBT
Penilaian Kunjung Bantu

Penganalisan Data

- Dianalisis secara deskriptif menggunakan IBM SPSS versi 26.0
- Bilangan, Peratus, Min, dan Sisihan Piawai
- Interpretasi nilai min (Landell, 1997)

1.00-2.33

Rendah

2.34-3.67

Sederhana

3.68-5.00

Tinggi

MAKLUMAT RESPONDEN



41.3%
26 orang

Jantina



58.7%
37 orang

MAKUMAT RESPONDEN



Bandar

27.0%

17 orang

Lokasi Sekolah



Luar Bandar

54.0%

34 orang



Pedalaman

19.0%

12 orang

MAKUMAT RESPONDEN

Jenis Sekolah



**Sekolah
Kebangsaan**

77.8%

49 orang



**Sekolah Jenis
Kebangsaan**

4.8%

3 orang




**Sekolah Murid
Orang Asli**

17.5%

11 orang


MAKUMAT RESPONDEN

Pengalaman Mengajar



MAKUMAT RESPONDEN

Tahap Akademik



MAKUMAT RESPONDEN



Opsyen

65.1%

41 orang

Opsyen



Bukan Opsyen

34.9%

24 orang

**KUNJUNG BANTU
2023**



**PERANCANGAN
PDPBT**

NILAI SKOR MIN PERANCANGAN PdPBT

ITEM	MIN	SP	TAHAP
1. Pemeringkatan (asas, sederhana dan tinggi) kandungan PdPBT berdasarkan DSKP.	4.04	0.613	Tinggi
2. Penjajaran Objektif Pembelajaran kepada Standard Pembelajaran.	3.89	0.768	Tinggi
3. Aktiviti berdasarkan keperluan murid (kesediaan, minat dan profil pembelajaran).	3.98	0.788	Tinggi
4. Aktiviti berdasarkan aras kebolehan murid (asas, sederhana dan tinggi).	4.11	0.743	Tinggi
5. Penyediaan bahan bantu mengajar dan bahan bantu belajar berdasarkan keperluan murid.	3.74	0.850	Tinggi
6. Penyediaan bahan bantu mengajar dan bahan bantu belajar berdasarkan aras kebolehan murid.	3.85	0.833	Tinggi
7. Penyediaan instrumen PBD berdasarkan aras kebolehan murid.	3.74	0.805	Tinggi
8. Produk PdPBT berdasarkan aras kebolehan murid.	3.87	0.753	Tinggi

ISU DAN CABARAN PERANCANGAN PdPBT



Pemilihan dan kesesuaian bahan/sumber



Kepelbagaian kaedah pengajaran



Capaian internet dan fasiliti



Kepelbagaian aras murid



Pengurusan masa



Kesediaan guru

KUNJUNG BANTU
2023



PELAKSANAAN
PDPBT

NILAI SKOR MIN PELAKSANAAN PdPBT

ITEM	MIN	SP	TAHAP
1. Pelaksanaan kandungan (1 topik/ tema atau topik/ tema bersepadu) berdasarkan aras kebolehan murid.	4.07	0.813	Tinggi
2. Pelaksanaan aktiviti berdasarkan keperluan murid.	4.00	0.922	Tinggi
3. Pelaksanaan aktiviti berdasarkan aras kebolehan murid.	4.05	0.911	Tinggi
4. Pengaplikasian bahan bantu mengajar dan bahan bantu belajar berdasarkan keperluan murid.	3.85	0.869	Tinggi
5. Pengaplikasian bahan bantu mengajar dan bahan bantu belajar berdasarkan aras kebolehan murid.	3.90	0.844	Tinggi
6. Pelaksanaan PBD berdasarkan aras kebolehan murid.	3.82	0.944	Tinggi
7. Produk PdPBT mengikut aras kebolehan murid.	3.87	0.924	Tinggi

ISU DAN CABARAN PELAKSANAAN PdPBT



Penggunaan bahan/sumber



Pelaksanaan aktiviti



Capaian internet dan fasiliti



Kepelbagaian aras murid



Kesediaan guru



Pengurusan masa

KUNJUNG BANTU
2023



KUNJUNG
BANTU

NILAI SKOR MIN PENILAIAN KUNJUNG BANTU

ITEM	MIN	SP	TAHAP
1. Program ini dapat membantu saya menguasai kemahiran merancang PdPBT berdasarkan keperluan dan aras kebolehan murid.	4.78	0.419	Tinggi
2. Program ini dapat membantu saya memantapkan pelaksanaan PdPBT.	4.73	0.482	Tinggi
3. Saya mendapat bimbingan yang berkesan.	4.87	0.335	Tinggi
4. Saya memerlukan bimbingan berterusan bagi menambah baik PdPBT.	4.49	0.668	Tinggi
5. Saya mencadangkan program ini diteruskan lagi pada masa hadapan.	4.48	0.668	Tinggi
6. Amalan PLC dalam program ini dapat membantu saya menambah baik PdPBT.	4.75	0.438	Tinggi

KUNJUNG BANTU
2023



KEPUTUSAN &
KESIMPULAN

KEPUTUSAN

Berdasarkan dapatan kajian, satu keputusan telah dibuat berkaitan program Kunjung Bantu MoLIB 2023 iaitu meneruskan strategi sedia ada untuk peluasan program ini pada masa akan datang agar terus efektif. Seterusnya, menepati arahan pekeliling perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa agar perbelanjaan yang dikeluarkan adalah efisien dengan hasil yang diperolehi (*value for money*).

KESIMPULAN

Program Kunjung Bantu MoLIB 2023 telah dilaksanakan dan berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Responden didapati menguasai kemahiran merancang dan melaksanakan PdPBT berdasarkan keperluan dan aras kebolehan murid. Responden turut menjadikan amalan *PLC* sebagai platform untuk menambah baik PdPBT.

Responden amat berpuas hati terhadap program Kunjung Bantu MoLIB 2023 dan berharap program ini dilaksanakan secara berterusan. Responden memberi kerjasama yang amat baik sepanjang tempoh pelaksanaan program.

JURULATIH UTAMA KEBANGSAAN

- ☑ CIK ERNIE KHOO SIEW NEE
- ☑ DR. FAN SIONG PENG
- ☑ DR. LAVANEESVARI A/P MANOGARAN
- ☑ DR. MAHANI BINTI AHMAD
- ☑ DR. MOHD ZAMRI BIN ABDULLAH
- ☑ DR. MUHAMAD NAZRI BIN ABD RAHMAN
- ☑ DR. NARAWI BIN ABU BAKAR
- ☑ DR. NORABIATUL ADAWIAH BINTI ABD WAHID
- ☑ DR. NORADZIMAH BIN ABDUL
- ☑ DR. ROHANI BINTI ABDUL WAHAB
- ☑ DR. SITI NURASHIKEN BINTI MD SABUDIN
- ☑ DR. NORHASLIZA BINTI ABDULLAH
- ☑ DR. RUSLAN BIN ABDULLAH
- ☑ DR. HJ ZAINAL ABIDIN BIN HJ. MASLEH
- ☑ DR. MOHD ZAHARUDDIN BIN OMAR
- ☑ DR. RAHMAH BINTI ABD GHANI
- ☑ DR. ROSLAN BIN ABDUL WAHID
- ☑ DR. SHARANI BIN ABDUL SELIBAN

JURULATIH UTAMA KEBANGSAAN

- ☑ EN. SABRI BIN AWANG SOF
- ☑ EN. SAHIDANI BIN ABD DANI
- ☑ EN. V. RAJASEGARA A/L VELOO
- ☑ EN. ABDUL MALEK BIN YAAKUB
- ☑ EN. AG AHMAD BIN AG SIRING
- ☑ EN. MAZANIA BIN KASIMIN
- ☑ EN. MOHD NOR BIN MOHAMED
- ☑ EN. MOHD. ASIF BIN MOHD ALWI
- ☑ EN. ZAINI BIN ABD GHANI
- ☑ PN. MAZURA BINTI SULAIMAN
- ☑ PN. LIM BOON YAN
- ☑ PN. NORIHAN BINTI MAT ZIN
- ☑ PN. NORILLA SATARI
- ☑ PN. WAH MONG WEH
- ☑ PN. IDAWATI BINTI MOAIN
- ☑ PN. SITI DAHLIA BINTI ABDULLAH
- ☑ PN. LILI SUNAINI BINTI RAMLI
- ☑ TN. HJ. ZAIEDDI BIN SACDAN@SHAHADAN
- ☑ YM. TENGKU NOR FAIZUL BIN TENGKU EMBONG

PASUKAN PENYELIDIK



Dr. Suriati Sulaiman
(IPGKTAA)



Dr. Mas Norbany Abu Samah
(IPGKDRI)



Dr. Zaharuddin Omar
(IPGKDRI)




KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

LAPORAN KAJIAN PENILAIAN PROGRAM KUNJUNG BANTU
MOLIB 2023 LAPORAN KAJIAN PENILAIAN PROGRAM
KUNJUNG BANTU MOLIB 2023

e ISBN 978-629-7656-21-2



9 786297 656212